

Empangan Muda mampu bertahan sebulan

Empangan Muda hanya mampu bertahan selama sebulan lagi jika terus melepaskan air ke Sungai Muda untuk bekalan di kawasan selatan Kedah termasuk Butterworth, Pulau Pinang bagi kegunaan domestik dan industri jika cuaca panas berterusan tanpa hujan.

Timbalan Pengurus Besar Teknikal Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Datuk Hor Tek Lip berkata, Empangan Muda sudah melepaskan air ke Sungai Muda selama 17 hari sejak dilaksanakan

1 April lalu untuk membantu Empangan Beris, dekat sini.

Menurutnya, Empangan Beris kini berada pada paras kritikal menyebabkan Empangan Muda membantu menyalurkan bekalan air ke Sungai Muda.

“Pelepasan air dari Empangan Muda ke Sungai Muda adalah kali ketiga dicatat dalam sejarah selepas tahun 1998 dan 2002 berikutan keadaan cuaca panas melampau melanda Kedah,” katanya.